

**KEBERKESANAN MODUL KADIMEL
TERHADAP MOTIVASI DAN PENCAPAIAN
KOSA KATA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL
BAGI MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

THIBBAH A/P GATANAGAYAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**KEBERKESANAN MODUL KADIMEL
TERHADAP MOTIVASI DAN PENCAPAIAN
KOSA KATA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL
BAGI MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

oleh

THIBBAH A/P GATANAGAYAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Oktober 2021

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana menganugerahkan saya kekuatan, ketabahan, kesabaran dan kemampuan kesihatan yang baik sehingga berjaya sampai ke destinasi terakhir dalam perjalanan intelek ini.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Fadzilah bt Amzah selaku penyelia utama yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan tanpa jemu sehinggalah saya dapat menyelesaikan kajian ini. Saya bersyukur kerana mendapat penyelia yang begitu komited membantu saya dalam menyiapkan tesis dan membimbing saya untuk menjadi guru yang berkualiti dan berdedikasi. Semoga penyelia dan keluarganya sentiasa dimurahkan rezeki dan diberi kesejahteraan oleh Tuhan. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada semua pensyarah yang terlibat sebagai panel penilaian tesis iaitu Dr. Siti Zuraidah binti Md. Osman, Dr. Abdul Jalil Ali dan Profesor Madya Dr. Azidah binti Abu Aziden dan Profesor Dr Hj Abdul Rasid Jamian yang banyak membantu dalam menggariskan hala tuju dan kualiti penulisan kajian ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah statistik iaitu Dr. Noraida Yakob yang banyak memberikan bimbingan, pertolongan dan turut menyumbang idea sepanjang tempoh penyelidikan ini. Segala cadangan dan nasihat yang diberi sangat membantu dalam menyempurnakan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Dekan, Timbalan Dekan, para pensyarah dan staf Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) yang sentiasa ceria dan menghulurkan bantuan pada saat saya memerlukan. Terima kasih untuk semua.

Penghargaan juga ditujukan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah memberi peluang dan kepercayaan kepada saya dengan menawarkan tajaan biasiswa dengan cuti belajar.

Penghargaan turut ditujukan kepada semua pihak yang membantu melicinkan urusan kajian ini iaitu Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia (JEPEM), Bahagian Perancangan Penyelidikan (EPRD), pensyarah serta kolej vokasional yang terlibat dalam proses pengumpulan maklumat dan data kajian. Seterusnya, penghargaan istimewa untuk semua rakan PERSILA yang banyak membantu dan menyuntik semangat perjuangan untuk terus berjuang dan juga semua rakan di kolej vokasional yang menjadi pakar rujuk membantu mencetuskan idea dan menyuntik semangat dalam menyempurnakan kajian ini.

Penghargaan khusus kepada pensyarah selaku pengendali modul Prof Madya Dr Izwan bin Mahmud yang telah sudi memberi kerjasama yang berterusan dengan penuh kesabaran dan kesungguhan dari awal hingga akhir kajian lapangan. Tidak ketinggalan kepada Pn. Shafawati binti Sharif yang tidak pernah jemu membantu dan menjadi pemudah cara dalam semua urusan dan tugas yang dilaksanakan. Terima kasih atas segala dorongan dan sokongan anda.

Akhir sekali, jutaan terima kasih untuk ibu, bapa, anak tersayang Thaaraa dan keluarga tercinta atas segala pengorbanan, kesabaran dan kasih sayang yang telah memberi kekuatan untuk terus mengharungi segala kepayahan dan dugaan. Kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang paling memahami, menghayati dan berkongsi kesusahan sepanjang usia pengajian.

Kepada semua pihak yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung, jasa anda semua akan tetap dikenang.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI CARTA PAI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Pendidikan Teknik dan Vokasional	4
1.2.2 Mata pelajaran Bahasa Melayu	6
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Tujuan Kajian.....	24
1.5 Objektif Kajian.....	24
1.6 Persoalan Kajian	25
1.7 Hipotesis Kajian.....	26
1.8 Kepentingan Kajian	26
1.8.1 Pelajar	27
1.8.2 Pensyarah Bahasa Melayu	28
1.8.3 Kolej Vokasional	28
1.8.4 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	28
1.9 Definisi Operasional	29

1.9.1	Modul Kadimel	29
1.9.2	Motivasi Pelajar	29
1.9.2(a)	Perhatian.....	30
1.9.2(b)	Relevan.....	30
1.9.2(c)	Keyakinan	30
1.9.2(d)	Kepuasan	31
1.9.3	Kosa Kata.....	31
1.9.4	Pencapaian	32
1.10	Batasan Kajian	32
1.11	Kesimpulan	34
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR.....	35
2.1	Pengenalan	35
2.2	Peranan Bahasa Melayu dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).....	35
2.3	Struktur Dokumen Standard Kurikulum Bahasa Melayu Kolej Vokasional	39
2.3.1	Kemahiran Aspek Tatabahasa dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Kolej Vokasional.....	42
2.3.2	Morfologi	44
2.3.3	Kosa Kata.....	48
2.4	Isu-isu dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Kolej Vokasional	50
2.5	Aplikasi Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.....	53
2.6	Model Reka Bentuk Instruksional	56
2.6.1	Reka bentuk Modul Kadimel berdasarkan Model ADDIE.....	58
2.7	Landasan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia dalam Pembinaan Modul Kadimel	62
2.7.1	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia.....	63

2.7.2	Adaptasi Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Dalam Pembinaan Modul Kadimel	65
2.8	Motivasi Pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu	70
2.8.1	Model Motivasi ARCS oleh Keller (1987).....	71
2.9	Kajian Lepas	75
2.9.1	Motivasi dan Pembelajaran Multimedia	76
2.9.2	Pencapaian Kosa Kata dan Pembelajaran Multimedia	80
2.9.3	Jurang Penyelidikan	84
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	86
2.11	Kesimpulan	87
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	88
3.1	Pengenalan	88
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.2.1	Kesahan Eksperimen.....	92
3.2.1(a)	Kesahan Dalaman.....	93
3.2.1(b)	Kesahan Luaran.....	96
3.2.2	Variabel Kajian	98
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	99
3.4	Instrumen Kajian.....	101
3.4.1	Borang Soal Selidik Motivasi Model Keller (ARCS).....	101
3.4.2	Pembinaan Ujian Pra ,Ujian Pos dan Ujian Pos Lanjutan	103
3.5	Kesahan.....	106
3.5.1	Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik Model Keller (ARCS)	109
3.5.2	Kesahan Kandungan Instrumen Ujian Pra, Ujian Pos dan Ujian Pos Lanjutan.....	110
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen.....	115
3.7	Kajian Rintis	115

3.7.1	Indeks Kebolehpercayaan Ujian Pra dan Pos dan Soal Selidik Motivasi ARCS.....	117
3.8	Prosedur Kajian.....	119
3.8.1	Fasa I: Pembinaan Modul Kadimel.....	119
3.8.2	Fasa II: Kajian Keberkesanan Modul Kadimel.....	126
3.9	Tatacara Penganalisisan Data	131
3.9.1	Analisis Deskriptif.....	134
3.9.2	Analisis Inferensi	134
3.10	Kesimpulan	135
BAB 4	REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN MODUL KADIMEL.....	136
4.1	Pengenalan	136
4.2	Pembinaan Modul Kadimel Berasaskan Model ADDIE	137
4.2.1	Fasa Analisis	137
4.2.2	Fasa Reka Bentuk	143
4.2.3	Fasa Pembangunan.....	150
4.2.4	Fasa Pelaksanaan	178
4.2.5	Fasa Penilaian	181
4.3	Kesimpulan	182
BAB 5	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN.....	183
5.1	Pengenalan	183
5.2	Kesan Modul Kadimel dalam Meningkatkan Motivasi Pelajar	185
5.2.1	Analisis Statistik Deskriptif Min Skor Soal Selidik bagi komponen Perhatian, Relevan, Keyakinan dan Kepuasan dalam Model Motivasi ARCS.....	185
5.2.2	Analisis Statistik Inferensi Min Soal Selidik bagi komponen Perhatian, Relevan, Keyakinan dan Kepuasan dalam Model Motivasi ARCS.....	189
5.3	Kesan Modul Kadimel Dalam Meningkatkan Pencapaian Kosa Kata Bahasa Melayu Pelajar.....	192

5.3.1	Analisis Statistik Deskriptif Min Skor Ujian Pra, Min Skor Ujian Pos dan Min Skor Ujian Pos Lanjutan Kosa Kata Bahasa Melayu.....	192
5.3.2	Analisis Statistik Inferensi Min Skor Ujian Pra, Ujian Pos dan Ujian Pos Lanjutan kosa kata dalam subjek Bahasa Melayu	196
5.4	Rumusan Dapatan Kajian	202
BAB 6 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN		203
6.1	Pengenalan	203
6.2	Ringkasan Kajian	203
6.3	Perbincangan Dapatan Kajian.....	205
6.3.1	Pembinaan Modul Kadimel	206
6.3.2	Hubungan Model Motivasi ARCS selepas penggunaan Modul Kadimel	210
6.3.3	Kesan Modul Kadimel terhadap Peningkatan Pencapaian Kosa Kata.....	217
6.4	Implikasi Kajian.....	220
6.4.1	Implikasi terhadap teori	221
6.4.2	Implikasi terhadap amalan	225
6.5	Sumbangan Kajian	228
6.6	Limitasi Dapatan Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan.....	230
6.7	Kesimpulan	233
RUJUKAN		234
LAMPIRAN		
SENARAI PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Keputusan PT3 bagi Pelajar Tahun Satu Sijil Vokasional Malaysia (SVM) di dua buah kolej vokasional di Johor Bahru 14
Jadual 1.2	Pencapaian pelajar kolej vokasional dalam Kuiz Kosa Kata di dua buah kolej vokasional di Johor Bahru dan Butterworth. 16
Jadual 2.1	Pengelasan Model-Model Reka Bentuk Pengajaran 57
Jadual 3.1	Reka Bentuk Kajian Pra-eksperimen: Ujian Pra, Ujian Pos dan Ujian Pos Lanjutan Satu Kumpulan 90
Jadual 3.2	Ancaman dalaman dan langkah penyelesaian..... 94
Jadual 3.3	Ancaman luaran dan langkah mengatasi..... 97
Jadual 3.4	Bahagian-bahagian soal selidik Motivasi berasaskan komponen Model Keller (ARCS) 103
Jadual 3.5	Jadual Spesifikasi Item Bahasa Melayu Kertas 2 104
Jadual 3.6	Pembahagian soalan dan markah 105
Jadual 3.7	Julat markah tahap penguasaan pelajar 106
Jadual 3.8	Biodata umum pakar kandungan instrumen kajian 107
Jadual 3.9	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Kandungan Soal Selidik ARCS 109
Jadual 3.10	Jadual Penentuan Nilai Cut Off Kritikal CVR..... 113
Jadual 3.11	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Kandungan Ujian 114
Jadual 3.12	Pekali kebolehpercayaan Cronbach's Alpha..... 118
Jadual 3.13	Nilai kebolehpercayaan ujian dan soal selidik motivasi ARCS 118
Jadual 3.14	Rancangan Pengajaran Unit 1 128
Jadual 3.15	Interpretasi skor min bagi tahap motivasi pelajar 132
Jadual 3.16	Pemilihan penganalisan alat statistik 133

Jadual 3.17	Garis panduan Guilford: kekuatan hubungan dalam ujian kolerasi.....	133
Jadual 4.1	Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Kriteria Pencapaian DSK Bahasa Melayu Semester 1 Tahun 2020. ...	141
Jadual 4.2	Pengintegrasian Modul Kadimel dalam Model Motivasi ARCS Keller	151
Jadual 4.3	Aktiviti pembelajaran dalam Modul Kadimel.....	158
Jadual 4.4	Senarai Panel Penilai Modul	169
Jadual 4.5	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Persembahan Modul-Penggunaan Teks	169
Jadual 4.6	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Persembahan Modul-Penggunaan Grafik.....	170
Jadual 4.7	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Persembahan Modul-Penggunaan Bahasa.....	171
Jadual 4.8	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Kurikulum	172
Jadual 4.9	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Pengembangan Isi	172
Jadual 4.10	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Isi Pelajaran.....	173
Jadual 4.11	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Aktiviti Pelajaran	174
Jadual 4.12	Nilai CVR Item Mengikut Konstruk Latihan.....	175
Jadual 4.13	Nilai kebolehpercayaan aktiviti Modul Kadimel	177
Jadual 4.14	Jadual bengkel latihan pensyarah.....	179
Jadual 4.15	Jadual pelaksanaan Modul Kadimel.....	180
Jadual 5.1	Skor min dan sisihan piawai tahap motivasi belajar kesan daripada Modul Kadimel.....	185
Jadual 5.2	Skor min dan sisihan piawai setiap item dalam komponen strategi perhatian (Attention)	186
Jadual 5.3	Skor min dan sisihan piawai setiap item dalam komponen strategi Relevan (Relevance).....	187
Jadual 5.4	Skor min dan sisihan piawai setiap item dalam komponen strategi keyakinan (confidence)	188
Jadual 5.5	Skor min dan sisihan piawai setiap item dalam komponen strategi kepuasan (satisfaction)	189

Jadual 5.6	Korelasi antara variabel (komponen ARCS).....	190
Jadual 5.7	Deskripsi Min, Sisihan Piawai, Minimum dan Maksimum, Skewness dan Kurtosis Secara Keseluruhan Ujian Pra, Ujian Pos dan Ujian Pos Lanjutan bagi Subjek Bahasa Melayu.....	193
Jadual 5.8	Keputusan Ujian Multivariate untuk Min Skor Pencapaian Kosa Kata	197
Jadual 5.9	Keputusan Ujian Kesferaan Mauchly Pencapaian Kosa Kata.	197
Jadual 5.10	Keputusan Waktu Ujian Greenhouse- Geisser.....	198
Jadual 5.11	Keputusan Ujian Pairwise Comparisons Pencapaian Kosa Kata.	199
Jadual 5.12	Keputusan Estimated Marginal Means bagi Pencapaian Kosa Kata	200
Jadual 5.13	Rumusan Keputusan Hipotesis Kajian.....	200
Jadual 6.1	Aktiviti-aktiviti dalam Modul Kadimel	206

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Model Pengajaran ADDIE 60
Rajah 2.2	Saluran Verbal / Auditori dalam Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia 64
Rajah 2.3	Saluran Visual / Piktorial dalam Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia 64
Rajah 2.4	Adaptasi Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia. Diadaptasi dari Mayer (2014). 66
Rajah 2.5	Kerangka konseptual kajian 86
Rajah 3.1	Rajah Model ADDIE (Sumber: Branch, 2009 hlm. 2)..... 122
Rajah 3.2	Ringkasan reka bentuk aplikasi mengikut lima fasa dalam Model ADDIE 123
Rajah 3.3	Carta Alir Pelaksanaan Modul Kadimel 131
Rajah 4.1	Skrin utama aplikasi quizlet 145
Rajah 4.2	Contoh paparan skrin pertama (mendapatkan perhatian)..... 153
Rajah 4.3	Contoh paparan skrin kedua (menyatakan objektif) 153
Rajah 4.4	Contoh paparan skrin keempat (pengintegrasian media dalam modul) 154
Rajah 4.5	Contoh Paparan Skrin Kelima (Kandungan Pembelajaran)... 154
Rajah 4.6	Contoh paparan skrin keenam (menggalakkan prestasi pelajar)..... 155
Rajah 4.7(a) 1	Contoh paparan skrin keenam (menyediakan maklum balas prestasi) 156
Rajah 4.7(b) 1	Contoh paparan skrin adegan ketujuh (menyediakan maklum balas prestasi) 156
Rajah 4.8	Contoh paparan skrin kelapan (mentaksir prestasi) 157
Rajah 4.9	Contoh paparan skrin kesembilan (mengukuhkan ingatan dan pengaplikasian pengetahuan) 157
Rajah 4.10	Skrin mod 1 (flashcard)..... 161

Rajah 4.11	Skrin Mod 1 (flashcard) bagi maksud perkataan	161
Rajah 4.12	Skrin Mod 2 (learn) bagi pengukuhan	162
Rajah 4.13	Skrin Mod 2 (learn) maklum balas pengukuhan	162
Rajah 4.14	Skrin Mod 3 (write).....	163
Rajah 4.15	Skrin Mod 3 (write) maklum balas pengukuhan	163
Rajah 4.16	Skrin Mod 4 (spell)	164
Rajah 4.17	Skrin Mod 5 (test)	164
Rajah 4.18	Skrin Mod 5 (test)	165
Rajah 4.19	Skrin Mod 6 (match)	165
Rajah 4.20	Skrin Mod 7 (gravity).....	166
Rajah 4.21	Skrin Mod 7 (gravity) maklum balas pengukuhan.....	166
Rajah 4.22	Skrin Mod 8 (live) pembelajaran kolaboratif.....	167
Rajah 4.23	Skrin Mod 8 (live) pilihan definisi atau maksud.....	167
Rajah 5.1	Carta Palang Min Skor Ujian Pra, Ujian Pos dan Ujian Pos Lanjutan bagi Kosa Kata Bahasa Melayu	193
Rajah 5.2	Plot Normal Q-Q Ujian Pra.....	194
Rajah 5.3	Plot Normal Q-Q Ujian Pos	195
Rajah 5.4	Plot Normal Q-Q Ujian Pos Lanjutan	195

SENARAI CARTA PAI

	Halaman
Carta Pai 1.1 Tahap pencapaian pelajar bagi subjek Bahasa Melayu di kolej vokasional.	16
Carta Pai 1.2 Tahap keupayan pelajar untuk membina ayat yang gramatis dan bermakna.	18
Carta Pai 1.3 Tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran kosa kata.....	20
Carta Pai 1.4 Kecukupan bahan untuk pembelajaran kosa kata di kolej vokasional.	21

SENARAI SINGKATAN

ADDIE	Analyze, Design, Development, Implementation and Evaluation
ANOVA	Analysis of Variance
ARCS	Attention, Relevance, Confidence and Satisfaction
CVR	Content Validity Ratio
DSK	Dokumen Standard Kurikulum
eRAS	Educational Research Application System
JEPERM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PDPC	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SPSS	Statistical Packages for Social Sciences
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Modul Kadimel
Lampiran B	Manual Modul Kadimel
Lampiran C	Soal Selidik Kebolehpercayaan Aktiviti Modul
Lampiran D	Soal Selidik Motivasi
Lampiran E	Soalan Ujian
Lampiran F	Surat Pelantikan Pakar
Lampiran G	Inventori Kesahan Muka Dan Kandungan
Lampiran H	Kesahan Pakar Modul
Lampiran I	Salinan Surat Kebenaran JEPEN Untuk Menjalankan Kajian
Lampiran J	Salinan Surat Kebenaran EPRD (eRAS) Untuk Menjalankan Kajian
Lampiran K	Salinan Surat Permohonan Untuk Menjalankan Kajian Sebenar
Lampiran L	Salinan Surat Kebenaran Kolej Untuk Menjalankan Kajian Sebenar

**KEBERKESANAN MODUL KADIMEL TERHADAP MOTIVASI DAN
PENCAPAIAN KOSA KATA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL BAGI
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Kadimel dan menilai kesannya terhadap motivasi dan pencapaian pelajar kolej vokasional. Reka bentuk pembinaan modul ini adalah berdasarkan Model ADDIE dan menggunakan Model Motivasi ARCS serta Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia untuk menyampaikan isi kandungan modul. Kajian ini melibatkan 63 pelajar tahun satu Sijil Vokasional Malaysia dari zon utara Perak yang dipilih melalui teknik persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk pra-eksperimen jenis Ujian Pra-Ujian Pos Satu Kumpulan sebagai kerangka panduan pelaksanaan kajian. Data dikumpul menggunakan ujian pra, ujian pos dan ujian pos lanjutan serta soal selidik yang diproses dan dianalisis berbantuan pakej statistik SPSS versi 27. Hipotesis kajian diuji secara statistik inferensi menggunakan Korelasi Pearson bagi variabel motivasi manakala Ujian Anova dengan Pengukuran Berulang digunakan bagi variabel pencapaian kosa kata. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara variabel motivasi iaitu perhatian, kerelevanan, keyakinan dan kepuasan selepas menggunakan Modul Kadimel ($r = .859$). Malah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian min skor ujian pra, ujian pos dan ujian pos lanjutan dalam kalangan pelajar kolej vokasional (Wilks' Lambda = 0.26, $F(2, 61) = 83.36$, $\eta^2 = 0.73$ dan $p = .00$). Nilai partial eta squared .73 juga menunjukkan saiz kesan utama waktu ujian bagi kosa kata secara keseluruhan adalah sangat besar. Hal ini bukan sahaja menunjukkan peningkatan pencapaian malah

keputusan menunjukkan ketekalan ingatan dalam pencapaian. Implikasinya, kajian ini berguna dalam pembinaan modul dan bahan rujukan yang bersesuaian dengan tahap pelajar serta memberi sumbangan kepada guru untuk mempelbagaikan bahan bantu mengajar, strategi dan aktiviti pembelajaran yang menarik perhatian pelajar keseluruhannya. Kajian ini juga membantu biro penerbitan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan iklim kolej yang merangsang pembelajaran berasaskan aplikasi web.

**EFFECTIVENESS OF KADIMEL MODULE ON MOTIVATION AND
ACHIEVEMENT OF VOCATIONAL STUDENTS' VOCABULARY IN
MALAY LANGUAGE SUBJECT**

ABSTRACT

This study aims to develop and evaluate the impact of Kadimel module on the vocational students' motivation and achievement. The development of the module is based on ADDIE Model, ARCS model and theory of multimedia learning are used to deliver the content of the module. Purposive sampling was conducted to select 63 year one cert students from a vocational college in the northern zone of Perak to undergo the intervention of this module. This study was a quantitative research design that was based on the Pre-experimental design: One Group Pre Test-Post Test Design. Two research instruments were employed, namely achievement test (pre, post and delayed post) and questionnaire been analyzed by using SPSS version 27 statistics package. Hypotheses were tested for statistical inference by using Pearson correlation for motivation while ANOVA Repeated Measures for achievement. The findings show that there is a significant relationship between the motivational variables, namely attention, relevance, confidence and satisfaction after using the Kadimel module ($r = .859$). In fact, there are significant differences in the mean achievement of pre-test, post-test and delayed post-test scores among vocational college students (Wilks' Lambda= 0.26, $F(2, 61) = 83.36$, $\eta^2 = 0.73$ dan $p = .00$). Partial eta squared value of .73 also showed the size of the main effect of exam time for vocabulary as a whole was very large. This means not only the intervention of the multimedia-based module helped improve students' achievement in Malay vocabulary but it helps to maintain the students' memory of what they have learned (long term retention). The implication of this study is useful in the construction of

modules and reference materials that are compatible with the student level as well as contributing to the teachers to diversify teaching aids, strategies and learning activities that attract the attention of the students. This study also assists the publication bureau of the Ministry of Education in providing a college climate that stimulates web application-based learning.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) membawa perubahan yang ketara dalam sistem pendidikan. Hal ini dapat dilihat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah menetapkan satu inisiatif bagi memastikan adanya peningkatan pembelajaran murid melalui penggunaan (TMK) di bawah anjakan ketujuh iaitu memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Dasar Murid Membawa Peranti Peribadi ke Sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013) merupakan bukti kukuh yang memperlihatkan harapan kerajaan dalam memastikan pembelajaran pelajar yang lebih interaktif, berkesan dan menarik minat pelajar bagi meningkatkan keberhasilan pembelajaran serta menyokong keberhasilan aspirasi murid.

Bahasa Melayu merupakan subjek teras yang diberikan penekanan utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran di semua institusi pendidikan awam serta swasta yang lain. Subjek Bahasa Melayu juga merupakan salah satu subjek teras dalam sukatan pelajaran kursus di kolej vokasional. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kolej Vokasional ataupun lebih tepat dikenali sebagai Dokumen Standard Kurikulum, Kolej Vokasional (DSK), (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2018) menggariskan Kemahiran Bahasa yang diorganisasikan dalam lima modul kemahiran bahasa iaitu; (i) kemahiran mendengar dan bertutur; (ii) kemahiran membaca, (iii) kemahiran menulis, (iv) aspek seni bahasa, dan (v) aspek tatabahasa.

Bagi menguasai kemahiran bahasa, pelajar perlu diajar sistem bahasa supaya bahasa yang dipelajari itu betul dan tepat penggunaannya. Dalam situasi ini, kosa kata menjadi elemen penting dan asas dalam sistem bahasa. Perkara ini turut disokong oleh Laufer dan Nation (1995) bahawa seseorang yang tidak menggunakan kata yang berlainan dalam penulisan boleh dianggap sebagai tidak mempunyai kosa kata yang mencukupi manakala pelajar yang menggunakan kosa kata yang luas dianggap sebagai mahir dalam berbahasa. Tambahan lagi, pemilihan kosa kata yang tepat merupakan kayu ukur sama ada seseorang itu telah menguasai bahasa tersebut ataupun tidak (Nation, 2001). Tahap kompetensi seseorang pelajar dalam subjek Bahasa Melayu di kolej vokasional sama ada memuaskan atau tidak bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlaku di dalam sesebuah kelas (Nurul Aida Suhaila, 2019). Jika dahulu pembelajaran lebih berpusatkan guru, kini trend ini sudah berubah dengan pelajar menjadi fokus utama dalam setiap sesi pembelajaran (Eliza Annis et al., 2020). Memang tidak dapat dinafikan Bahasa Melayu sedang mengalami cabaran terutamanya dari segi pandangan umum terhadap kepentingannya dalam pengajaran (Abdul Aziz, 2007).

Walaupun subjek Bahasa Melayu melibatkan penguasaan kemahiran bahasa yang kelihatan agak mudah untuk dikuasai, namun masih terdapat beberapa isu yang dianggap boleh mengganggu keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran (Zamri, 2012). Sebagai contoh, dari sudut pendidikan di sekolah secara amnya, masalah-masalah berkaitan penggunaan TMK di sekolah termasuklah kekurangan kemudahan dan kekangan peruntukan kewangan (Siti Hajar & Suguneswary, 2016), kekurangan akses dan sambungan rangkaian, sokongan teknikal yang terhad, kekurangan latihan yang berkesan, masa yang terhad, serta kekurangan kemahiran dalam kalangan guru (Ghavifekr et al., 2016). Bagi pendidikan Bahasa Melayu, kemunculan media baharu

pada masa ini seperti media sosial dan sebagainya telah mempengaruhi cara masyarakat berkomunikasi dan telah memberikan kesan kepada keberkesanan penggunaan tatabahasa serta pemahaman bahasa kebangsaan ini dalam kalangan pelajar akibat perleluasan penggunaan bahasa ‘rojak’ (Hidayah et al., 2019).

TMK sebenarnya memberikan banyak kesan yang baik kepada pelajar khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Siti Masrah (2017) berpendapat bahawa penggunaan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar. TMK juga menyediakan pelbagai peluang kepada para pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik dalam mewujudkan proses pengajaran yang lebih berkesan dan menarik. Teknologi juga berupaya dalam memotivasikan pelajar, diaplikasikan ke dalam pelbagai corak pembelajaran, membantu dalam menjejakkan kaki ke alam nyata dan boleh diakses secara meluas (Vargas, 2011).

Justeru, bagi merealisasikan hasrat transformasi kurikulum oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang sejajar dengan salah satu kemahiran dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kolej Vokasional yang menekankan aspek tatabahasa, maka amat wajar satu modul pembelajaran berbantuan multimedia direka khas bagi tujuan pembelajaran kosa kata Bahasa Melayu kepada pelajar kolej vokasional. Modul ini dinamakan sebagai modul Kadimel yang merupakan singkatan akronim bagi perkataan Kad Imbas Elektronik yang dibangunkan melalui aplikasi Quizlet. Modul ini terdiri daripada tiga set dan setiap set mengandungi 9 aktiviti iaitu aktiviti 1 sehingga aktiviti 8 adalah berdasarkan pautan dalam aplikasi Quizlet yang terdiri daripada mod *Flashcards* (kad imbasan), *Learn* (latih tubi 1), *Write* (latih tubi 2), *Spell* (latihan mengeja), *Test* (penilaian), *Match* (permainan bahasa 1), *Gravity* (permainan bahasa 2) dan *Live* (permainan kolaboratif) manakala aktiviti 9

merupakan aktiviti binaan ayat dengan menggunakan 12 perkataan yang telah dipelajari dalam mod *Flashcards*.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Pendidikan Teknik dan Vokasional

Pengumuman sistem baharu dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada tahun 2013 telah melonjakkan kedudukan aliran tersebut dalam sistem pendidikan negara. Transformasi ini telah menjanjikan kelulusan sehingga ke peringkat diploma secara jalan pintas melalui pewujudan Kolej Vokasional (KV) selepas tingkatan tiga. PTV memberikan penekanan pada amalan industri atau amali teknikal dan akan mengurangkan komposisi akademik. PTV juga diwujudkan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan berkemahiran luas (Anis & Nur Aisyah, 2017; Reeve, 2016) selain membentuk individu yang dapat menyesuaikan diri dengan inovasi, kaedah kontemporari dan saintifik, mahir menyelesaikan masalah serta mampu menghasilkan produk dan perkhidmatan (Mohamed Nor Azhari, 2015; Bamalli, 2014). Kenyataan tersebut diperkukuhkan lagi oleh Jamaliah (2014), yang menyatakan PTV dalam perspektif yang pertama berpusatkan kepada tempat kerja dan bertujuan untuk mencapai kemahiran serta pengetahuan khusus mengenai pekerjaan. Dengan ini, ibu bapa mulai yakin untuk menghantar anak-anak mereka ke kolej vokasional berbanding dengan sekolah akademik (Mohamed Nor Azhari, 2015) walaupun pelajar yang akan dipilih ke kolej vokasional terdiri daripada pelajar yang berprestasi rendah dalam PT3 (Noorazman et al., 2018). Kini, sistem PTV juga telah memberi peluang kepada para pelajar untuk melanjutkan pengajian ke

peringkat kemahiran yang lebih tinggi seperti Institut Tinggi Kemahiran malah universiti.

Dalam Rancangan Malaysia ke sebelas (RMKe-11), 2016 sehingga 2020, kerajaan memberi tumpuan dalam meningkatkan tarikan PTV sebagai laluan pendidikan pilihan misalnya program-program yang ditawarkan di KV meliputi kursus-kursus yang terkandung dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Hal ini bermaksud PTV akan menghasilkan pelajar yang berkelulusan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 1, 2, 3 dan 4 bersama-sama dengan Diploma Vokasional Malaysia (Peraturan Akademik Kolej Vokasional Bagi Program DVM, 2019). Selain kursus kemahiran ini, pelajar KV juga akan diajar subjek akademik yang lain seperti Bahasa Melayu, Matematik, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Moral dan Sejarah. Pemberatan kurikulum di KV bagi pelajar sijil ialah 70 peratus kemahiran dan 30 peratus akademik (Suhaili, 2015; Abdullah Zawawi, 2012). Justeru, program-program yang ditawarkan oleh PTV melibatkan aktiviti dan pengalaman pembelajaran yang lebih menjurus ke arah *hands-on skill* (Baity, 2019; Anis & Nur Aisyah, 2017; Reeve, 2016).

Tuntasnya, Pendidikan Teknik dan Vokasional telah melahirkan modal insan yang berkemahiran yang dituntut dalam pembangunan negara. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh kerajaan, namun persepsi negatif umum terhadap PTV masih wujud (Mohd Erfy et al., 2018; Dixon, 2017; Nik Hanis Zuraihan et al., 2015). Hakikatnya, latihan PTV merupakan laluan kerjaya yang cerah dan menyediakan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam dunia pekerjaan sekaligus memperoleh pekerjaan pada tahap *high-demand career* (Reeve, 2016)

1.2.2 Mata pelajaran Bahasa Melayu

Walaupun penekanan diberikan kepada amalan industri atau amali teknikal, namun aspek akademik terutamanya subjek Bahasa Melayu masih diberi penekanan yang penting di kolej vokasional. Hal ini demikian kerana pelajar diwajibkan untuk lulus dengan kepujian bagi subjek Bahasa Melayu (setara SPM) bagi membolehkan pelajar melanjutkan pengajian mereka iaitu dari peringkat sijil (pradiploma) ke peringkat diploma (Peraturan Akademik Kolej Vokasional Bagi Program DVM, 2019).

Teras Kurikulum Kolej Vokasional Bahasa Melayu sememangnya memberi penekanan terhadap aspek kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar KV dan hal ini dapat dilihat seperti berikut:

Kurikulum Standard Kolej Vokasional Bahasa Melayu digubal untuk melengkapkan murid dengan kemahiran berbahasa dan persediaan melangkah ke bidang pengajian tinggi, alam pekerjaan dan dunia sebenar sebagai seorang dewasa. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, penggubalan kurikulum ini menerapkan kemahiran insaniah, kebolehgajian dan kebolehpasaran sebagai persediaan murid untuk menjadi seorang pelajar pengajian tinggi yang cemerlang dan pekerja yang mempunyai ciri-ciri berketerampilan, berkeyakinan tinggi, berdaya saing, mempunyai sifat kepimpinan dan berupaya menyelesaikan masalah.

(Kurikulum Standard Kolej Vokasional [KSKV], 2018 hlm.10)

Matlamat pendidikan bahasa Melayu melalui dasar Kurikulum Standard Kolej Vokasional amatlah jelas yakni setiap pelajar KV perlu menguasai sistem bahasa yang merupakan kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh pelajar melalui bidang kecekapan berbahasa seperti kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa dan tatabahasa. Maka dapatlah dirumuskan bahawa,

pembelajaran kosa kata dalam kalangan pelajar KV amat dititikberatkan. Kenyataan ini turut disokong oleh kajian Nailul Azmi dan Zaleha (2017) yang menyatakan keterbatasan dalam inventori kosa kata yang dimiliki oleh seseorang pelajar secara tidak langsung akan menghambat kemahiran pelajar tersebut dalam menguasai sesuatu bahasa lebih-lebih lagi pada tahap awal persekolahan lagi.

Keupayaan berbahasa merupakan kemahiran yang penting. Hal ini bermaksud, kosa kata merupakan elemen penting dan asas dalam komunikasi kerana pelajar dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari. Malangnya, kebanyakan guru tidak menekankan pembelajaran kosa kata, berkemungkinan difikirkan bilangan kosa kata dalam buku teks agak luas dan pengajaran kosa kata secara langsung kurang digalakkan dalam kaedah pengajaran bahasa berbanding dengan pengajaran secara kontekstual (Ambikapathi et al., 2015). Selain itu, kesuntukan masa untuk menghabiskan silibus yang terikat dengan sistem peperiksaan menambahkan lagi punca guru di kolej vokasional masih menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional dan konvensional yang berpusatkan guru semata-mata seperti penggunaan power point dan *chalk and talk* untuk mengajar (Eliza Annis et al., 2020; Nurul Aida Suhaila, 2019; Jamaliah, 2014). Dalam senario pendidikan semasa ramai guru di sekolah masih mengamalkan kaedah hafalan dalam teknik mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu boleh menimbulkan suasana hambar dan bosan untuk belajar (Lai, 2017). Kajian oleh Faridah Mariani et al. (2014) juga melaporkan guru hanya mempunyai tahap sederhana dalam menggunakan kemahiran abad ke-21 sebagai salah satu strategi pengajaran mereka untuk kebanyakan mata pelajaran di kolej vokasional. Selain itu, menurut Eliza Annis et al. (2020) penggunaan e-pembelajaran di KV juga berada pada tahap yang kurang memuaskan sedangkan pengintegrasian

transformasi digital adalah penting untuk menghasilkan graduan yang kompeten dan mahir. Oleh hal yang demikian, aspek pengajaran perlu diberikan perhatian dengan menekankan penguasaan kemahiran bahasa yang diajarkan. Hal ini jelas membuktikan kelemahan kosa kata sememangnya akan membawa implikasi besar terhadap kecekapan berbahasa yang lain dalam kalangan pelajar KV.

Kemahiran akademik mahupun vokasional yang kompeten terhasil dari interaksi yang dinamik antara pembelajaran dalam kelas dan pembelajaran di tempat kerja. Ramai pakar latihan vokasional berpendapat pembelajaran dalam kelas selalunya akan mempengaruhi pembelajaran di tempat kerja dan seterusnya mengalakkan penyertaan yang lebih aktif dan bekesinambungan dalam aktiviti pembelajaran (Noorazman et al., 2018). Kedua-dua jenis pembelajaran ini saling menyokong antara sama lain dan memacu ke arah penambahbaikan serta inovasi yang lebih canggih. Namun menurut Abdullah Zawawi (2012), kurikulum yang ditetapkan di kolej vokasional pada masa ini adalah terlalu tinggi dan melebihi tahap kebolehan pelajar di kolej vokasional. Walau bagaimanapun, isu ini dapat diatasi melalui penggunaan alat bantu mengajar (ABM) yang dapat meningkatkan dan mempercepatkan kefahaman pelajar terutamanya pelajar-pelajar yang kurang pengetahuan akademik seperti pelajar kolej vokasional (Abd Halim & Lai, 2011). Kenyataan ini turut disokong oleh Faizah (2017) yang menyatakan teori-teori yang diajar sukar untuk difahami tanpa bahan bantu mengajar yang khusus malah penggunaan ABBM sangat penting supaya penyampaian guru akan lebih difahami oleh pelajar-pelajar terutamanya pelajar KV yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah. Menurut Umi Nadiha et al. (2016), guru perlu membuat persediaan yang bijak dalam merancang proses PdP bagi menimbulkan suasana

pembelajaran yang menyeronokkan di samping dapat meningkatkan mutu pengajaran mereka.

Bagi tujuan pembangunan tenaga pengajar dan cara penyampaian, KPM juga telah memberi penekanan terhadap elemen literasi teknologi, maklumat dan komunikasi dalam dokumen standard dan pentaksiran (DSKP). Dengan ini, para pensyarah bahasa Melayu dapat menggunakan TMK untuk menyampaikan maklumat dengan lebih efisien dan berkualiti. Hal ini turut disokong dalam kajian Fatimah (2017) yang berpendapat pengintegrasian TMK dalam PdP secara terancang dan berterusan adalah penting untuk membentuk, meningkatkan minat dan tahap kefahaman serta kualiti pembelajaran dalam kalangan pelajar. Oleh itu, guru-guru seharusnya menyiapkan diri dengan baik dan sentiasa proaktif dalam menyediakan bahan pembelajaran yang interaktif seiring dengan perkembangan teknologi yang kini mendominasi dunia pendidikan.

Maka, jelaslah bahawa guru akademik mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan penyampaian pengetahuan dan kemahiran diaplikasikan dalam PdP yang dapat menimbulkan suasana keseronokan kepada pelajar untuk belajar. PdP yang berkesan melibatkan kaedah dan strategi penyampaian dalam pengajaran guru kepada pelajar yang menerima ilmu serta kemahiran (Nurul Aida Suhaila, 2019). Menurut Mat Saat dan Abbas (2016), PdP yang berkesan dapat membantu guru mencapai objektif di samping kualiti pengajaran guru dapat ditingkatkan secara tidak langsung dan membantu pelajar menerima pembelajaran dengan mudah. Justeru, kaedah dan strategi pengajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu yang dirancang dengan rapi dapat mewujudkan sesi PdP yang lebih teratur, menyeronokkan dan berkesan.

Dari aspek bahasa, seperti bahasa-bahasa yang lain, seseorang perlu mempunyai asas pengetahuan kosa kata yang baik dalam Bahasa Melayu untuk membolehkan mereka mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, terutamanya bagi aktiviti-aktiviti akademik. Namun, seperti yang dapat diperhatikan dari sorotan literatur sedia ada, kajian-kajian berhubung dengan pembelajaran kosa kata dalam kalangan pelajar banyak dilakukan oleh para penyelidik dari negara-negara yang lain (Nguyen & Khuat, 2003; Vargas, 2011; Redd, 2011; Dizon, 2016; Robinson & Carroll, 2017). Sebaliknya, kajian berhubung pembelajaran kosa kata Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar didapati masih kurang dilakukan di negara kita, terutamanya melibatkan kolej vokasional. Kajian-kajian sedia ada yang melibatkan pembelajaran kosa kata dalam kalangan pelajar di Malaysia pula lebih banyak tertumpu akan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris, seperti yang dijalankan oleh Yaacob et al. (2019), Noorizah dan Zaini (2009), dan Roslina (2009). Kajian yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran di kolej vokasional di Malaysia pula tertumpu kepada aspek-aspek lain, seperti pengajaran amali teknologi elektronik (Jamaliah, 2014) dan penguasaan bahasa Inggeris (Farisa Jazima et al., 2018).

Justeru, bagi mengisi kelompangan kajian-kajian lalu, kajian berhubung penggunaan TMK bagi menyokong proses pembelajaran dan pengajaran pembelajaran kemahiran bahasa, atau lebih spesifik aspek kosa kata Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar KV amat wajar dilakukan. Kajian ini memperlihatkan pengukuran pencapaian pelajar terhadap kosa kata bahasa Melayu yang masih kurang dilakukan oleh para sarjana khususnya bagi mengesahkan hierarki kesukaran pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar kolej vokasional. Malahan pengkaji berharap kajian ini akan dapat memberikan sumbangan ilmu dalam kemahiran bagi aspek tatabahasa seperti yang digariskan dalam DSK.

1.3 Pernyataan Masalah

Proses pembelajaran kosa kata merupakan salah satu elemen yang amat penting untuk diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi subjek bahasa malah setiap individu memerlukan antara lima hingga 16 pendedahan terhadap perkataan baharu dalam sesuatu masa (Nation, 1990). Wilkins (1972) menyatakan tanpa pengetahuan tatabahasa, sangat sedikit maklumat yang dapat disampaikan dan tanpa pengembangan kosa kata, tiada sebarang maklumat yang dapat disampaikan. Hal ini jelas menunjukkan betapa pentingnya pembelajaran kosa kata terutamanya dalam menyampaikan sesuatu maklumat ataupun mesej. Elemen ini juga sejajar dengan salah satu kemahiran dalam Dokumen Standard Kurikulum Kolej Vokasional yang menekankan aspek tatabahasa yang juga memperlihatkan penggabungjalinan kemahiran bahasa. Kemahiran-kemahiran berbahasa ini turut diambil berat dalam menzahirkan matlamat kerajaan untuk mewujudkan pendidikan berkualiti untuk semua (Nor Aziah, 2007). Hal ini bertepatan dengan pendapat Tarigan (2011) bahawa penguasaan bahasa seseorang individu amat bergantung pada kuantiti dan kualiti kosa kata yang dimilikinya. Selain itu, pengetahuan kosa kata yang luas dan mendalam amat penting kerana pengetahuan ini dapat membantu pelajar untuk membaca dengan pantas serta memudahkan proses meneka maksud perkataan baharu dari segi konteks (Rahmat, 2020). Walau bagaimanapun didapati pengembangan kosa kata bahasa Melayu dalam kalangan pelajar masih lagi lemah dan terbatas (Dewi Kartika & Sharifah Hafsah, 2018; Kamariah & Siti Raihanni, 2017). Pernyataan masalah dalam kajian ini memfokuskan tiga isu yang utama iaitu masalah dalam pencapaian kosa kata pelajar kolej vokasional, motivasi pelajar dalam pdp kosa kata yang rendah dan bahan PdP yang terhad di KV.

Konteks kajian ini memfokuskan pembelajaran kosa kata dan secara khususnya aspek ini diberi penekanan untuk memastikan pelajar memahami dan menggunakan bentuk kata ataupun kosa kata yang sesuai dalam pelbagai bidang. Sememangnya pembelajaran kosa kata perlu diberi penekanan dan perhatian kerana komponen kosa kata dianggap sebagai faktor utama yang dapat menentukan tahap kefahaman seseorang dalam pembacaan sesuatu teks mahupun dalam situasi komunikasi (Che Radiah & Norhayuza, 2011). Peningkatan dan pengembangan kosa kata membolehkan pelajar mengungkap maklumat dan idea sekaligus memantapkan kecekapan seiring dengan matlamat KSSM untuk melahirkan generasi muda yang berkualiti tinggi dari segala aspek termasuk penguasaan bahasa yang standard. Menurut Laufer dan Nation (1995) kualiti sesuatu hasil penulisan bergantung pada saiz penguasaan kosa kata seseorang, maka adalah penting untuk menekankan pengembangan kosa kata dari peringkat awal. Kekayaan kosa kata juga memaparkan cara seorang individu mengolah perbendaharaan kata yang diperolehi dalam pelbagai situasi dan konteks yang berbeza (Ambikapathi et al., 2015).

Walau bagaimanapun, kebanyakan pelajar kolej vokasional memiliki prestasi akademik yang lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu (Asnul Dahar et al., 2013, Nurulhuda, 2013; Mohd Jalil et al., 2015) sedangkan dalam Kurikulum Standard Kolej Vokasional Bahasa Melayu, pelajar perlu menguasai asas kemahiran berbahasa melalui pendekatan modular yang bersepadu, seimbang dan holistik merangkumi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta penguasaan tatabahasa dan seni bahasa. Kajian Dewi Kartika dan Sharifah Hafsa (2018) menunjukkan ketidakupayaan pelajar ini berlaku kerana kegagalan mereka menggunakan perkataan-perkataan yang paling sesuai untuk menyampaikan idea. Masalah ini bertambah rumit apabila pelajar tidak dapat mengungkapkan maksud

sebenarnya perkataan tertentu dalam konteks ayat yang berbeza disebabkan penguasaan kosa kata yang terbatas.

Berdasarkan laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2017), pencapaian pelajar sekolah menengah dalam memahami dan menguasai tatacara penulisan secara keseluruhannya didapati berada pada tahap sederhana iaitu masih terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan, mengemukakan idea yang kurang relevan dengan huraian yang kabur dan penguasaan bahasa calon pelajar yang tidak cekap, penggunaan kosa kata yang terhad dan pengolahan idea yang tidak menarik (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2017).

Laporan Prestasi Calon bagi Kertas Bahasa Melayu dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Laporan Prestasi Calon bagi Kertas Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2015 dan 2016 memperlihatkan pelajar lemah dalam mengolah isi dan mengutarakan hujah yang bersesuaian. Laporan ini telah disediakan oleh Ketua Pemeriksa kertas Bahasa Melayu bagi tahun berkenaan. Laporan prestasi calon dibuat berdasarkan kepada kekuatan, kelemahan dan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar yakni pelajar yang berprestasi lemah membina ayat yang tidak gramatis dan lemah dalam penggunaan imbuhan dan pemilihan kata yang tepat malah memperlihatkan penguasaan kosa kata yang amat terhad (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2015, 2016 dan 2017). Ini turut menyokong satu kajian oleh Nur Shakirah dan Muhammad Saiful Haq (2017) yang melaporkan pencapaian pelajar dalam keputusan peperiksaan awam menunjukkan masih ramai pelajar yang gagal dalam subjek Bahasa Melayu kerana gagal menulis ayat mudah mengikut tatabahasa yang tepat dan penggunaan kosa kata yang agak lemah.

Kajian awal bagi mengetahui tahap pencapaian dan pengetahuan sedia ada pelajar terhadap subjek Bahasa Melayu telah dijalankan di dua buah kolej vokasional di Johor Bahru. Maklumat pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3) telah diperoleh melalui borang tinjauan yang diedarkan di dua buah kolej tersebut. Maklumat ini amat penting untuk mengetahui tahap kognitif pelajar untuk membolehkan penyelidik mereka bentuk jenis modul, memilih media, bahan dan merangka aktiviti PdP yang sesuai serta bertepatan dengan keupayaan pelajar. Jadual 1.1 menunjukkan pencapaian pelajar di dua buah kolej vokasionalambilan 2019 berdasarkan pencapaian PT3 bagi subjek Bahasa Melayu.

Jadual 1.1

Keputusan PT3 bagi Pelajar Tahun Satu Sijil Vokasional Malaysia (SVM) di dua buah kolej vokasional di Johor Bahru

Gred	Kolej Vokasional A (bilangan pelajar)	Kolej Vokasional B (bilangan pelajar)	Jumlah Pelajar
A	22 (19.81%)	24 (15.89%)	46
B	39 (35.13%)	43 (28.47%)	82
C	35 (31.53%)	56 (37.08%)	91
D	13 (11.71%)	28 (18.54%)	41
E	2 (1.80%)	-	2
Jumlah Keseluruhan	111	151	262


Berdasarkan analisis pencapaian pelajar dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) di atas, hanya 22 pelajar daripada 111 pelajar di Kolej A memperoleh gred A dan seramai 50 pelajar memperoleh gred C dan ke bawah. Begitu juga di Kolej B iaitu hanya seramai 24 pelajar daripada 151 pelajar mendapat

gred A, 43 pelajar memperoleh gred B dan 84 pelajar mendapat gred C dan ke bawah. Dapatan ini jelas membuktikan pelajar-pelajar di dua buah kolej vokasional memperoleh keputusan yang kurang cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu. Kajian Nurul Aida Suhaila (2019) juga mendapati pelajar kolej vokasional sememangnya mempunyai latar belakang dan tahap pencapaian akademik yang rendah. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi dengan penetapan syarat khusus pengambilan pelajar ke kolej vokasional yang agak longgar iaitu calon atau pelajar lepasan PT3 memperoleh sekurang-kurangnya gred D bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam pentaksiran PT3 (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2015).

Bagi mengukuhkan lagi justifikasi ini, satu kajian awal telah dilakukan terhadap 39 orang pensyarah bahasa Melayu yang berpengalaman 10 tahun ke atas mengajar di kolej vokasional secara rawak di seluruh Malaysia yang jelas menunjukkan terdapat isu-isu dalam pengajaran bahasa Melayu khususnya aspek kosa kata dalam kalangan pelajar kolej vokasional. Kajian awal ini dijalankan melalui edaran borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian yang utama iaitu 1) penilaian terhadap sumber/ bahan PdP, pelajar, 2) penilaian terhadap pelajar dan 3) reka bentuk modul. Salah satu maklum balas yang telah diperolehi daripada responden ialah didapati tahap pencapaian pelajar kolej vokasional agak lemah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Carta Pai 1.1 menunjukkan maklum balas pensyarah terhadap pernyataan tahap pencapaian pelajar bagi subjek Bahasa Melayu di kolej vokasional.

Carta Pai 1.1

Tahap pencapaian pelajar bagi subjek Bahasa Melayu di kolej vokasional.



Berdasarkan carta di atas, didapati 32 responden daripada 39 responden iaitu 82 % pensyarah memberikan respon bahawa tahap pencapaian pelajar bagi subjek Bahasa Melayu di kolej vokasional tidak memuaskan. Bagi mengukuhkan lagi pernyataan ini, Kuiz Kosa Kata telah ditadbir ke atas 106 pelajar tahun 1 Sijil Vokasional di dua buah kolej iaitu di Butterworth dan Johor Bahru. Kuiz Kosa Kata ini dijalankan untuk menguji kemahiran pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan kosa kata melalui binaan ayat. Jadual 1.2 dan graf bar 1.1 menunjukkan pencapaian pelajar kolej vokasional dalam kuiz kosa kata tersebut.


Jadual 1.2

Pencapaian pelajar kolej vokasional dalam Kuiz Kosa Kata di dua buah kolej vokasional di Johor Bahru dan Butterworth.

Kolej	Gred Pencapaian (Kolej Vokasional)												
	100-90 A	89-80 A-	79-70 B+	69-65 B	64-60 B-	59-55 C+	54-50 C	Jum. lulus	49-45 D+	44-40 D	39-35 D-	34-0 E	Jum. gagal
A				2	2		1	5	1	4	10	39	54
B		1	3	7	11	7	8	37	7		3		10
Jum		1	3	9	13	7	9	42	8	4	13	39	64

Graf Bar 1.1


Pencapaian pelajar kolej A dan Kolej B dalam kuiz kosa kata.



Dapatan markah daripada kuiz kosa kata menunjukkan tahap pengetahuan pelajar masih lemah. Berdasarkan analisis pencapaian pelajar dalam kuiz tersebut, didapati 64 orang pelajar daripada 106 orang pelajar gagal. Hal ini bermaksud peratus kelulusan hanya 39.6% dan peratus pelajar gagal pula ialah 60.4%. Dapatan kajian awal ini mendapati majoriti pelajar tidak dapat membina ayat yang gramatis berdasarkan kosa kata dalam konteks ayat yang sesuai. Kebanyakan ayat yang dibina oleh pelajar ialah ayat tunggal dan tidak gramatis. Isu ini juga dapat dikukuhkan lagi melalui dapatan soal selidik daripada pensyarah-pensyarah kolej vokasional berpendapat pelajar kolej vokasional tidak dapat membina ayat yang gramatis dan bermakna dengan menggunakan kosa kata yang sesuai. Carta Pai 1.2 menunjukkan maklum balas responden terhadap keupayaan pelajar dalam membina ayat yang gramatis dan bermakna dengan menggunakan kosa kata yang sesuai.

Carta Pai 1.2

Tahap keupayaan pelajar untuk membina ayat yang gramatis dan bermakna.



Berdasarkan dapatan di atas, jelas menunjukkan pelajar tidak berupaya untuk membina ayat yang gramatis dan bermakna dengan menggunakan kosa kata yang sesuai. Hal ini mungkin disebabkan pelajar tidak mempunyai pengetahuan sedia ada terhadap kosa kata tersebut. Oleh itu, pelaksanaan kaedah alternatif yang sesuai dalam sesi PdP Bahasa Melayu terutamanya dalam aspek kosa kata adalah wajar dan bertepatan dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) yang menekankan kemahiran aspek tatabahasa dalam DSK.

Isu kedua yang dikenal pasti ialah tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu terutamanya bagi aspek kosa kata adalah rendah. Menurut Usha dan Vijayaletchumy (2019), motivasi pelajar merupakan faktor penyumbang terhadap kejayaan pembelajaran bahasa Melayu namun aspek ini kurang dititikberatkan. Pelajar didapati menghadapi masalah apabila guru yang mengendalikan pembelajaran kosa kata tidak menggunakan pendekatan yang boleh menarik minat dan mewujudkan pembelajaran berkesan sebaliknya menggunakan kaedah tradisional terutamanya kaedah *chalk and talk* (Siti Masrah, 2017). Kenyataan ini disokong oleh Dewi Kartika dan Sharifah Hafsa (2018) bahawa strategi pemusatan guru yang


melibatkan komunikasi sehalu menyebabkan pelajar menjadi pasif dan hanya mendengar guru mengarah dan mengawal pembelajaran yang mengakibatkan pelajar tidak bermotivasi dan menjejaskan pencapaian dalam akademik. Hal ini secara langsung menimbulkan suasana pembelajaran yang membosankan dan motivasi pelajar untuk meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran akan menurun.

Selain itu, sifat semula jadi aspek kosa kata itu sendiri memberi impak terhadap aspek motivasi dalam pembelajaran bagi subjek bahasa Melayu sama ada di sekolah menengah mahupun kolej vokasional. Perkara ini turut disokong dalam kajian Wan Azlina (2017) yang menyatakan penguasaan kosa kata dituntut sebagai kemahiran bahasa yang paling sukar untuk dipelajari dalam kalangan pelajar Malaysia. Hal ini selaras dengan kajian Sedita (2005) yang menekankan terdapat jurang yang signifikan dalam pengetahuan kosa kata dari peringkat rendah lagi dan jurang tersebut menjadi semakin besar kerana kesukaran dalam mentafsir makna sesuatu perkataan malah menjadikan pelajar kurang mengambil inisiatif untuk mempelajari perkataan baharu disebabkan mereka mempunyai motivasi yang rendah. Perkara ini turut disokong oleh Nagy (2007) yang menyatakan bahawa proses pembelajaran kosa kata sememangnya dipengaruhi oleh aspek motivasi pelajar.

Di samping itu, dapatan kajian awal juga membuktikan tahap motivasi pelajar kolej vokasional adalah rendah. Seramai 36 responden daripada 39 responden iaitu 92% memberikan respons bahawa tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran kosa kata adalah rendah. Carta Pai 1.3 menunjukkan maklum balas pensyarah terhadap tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran kosa kata.

Carta Pai 1.3

Tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran kosa kata




Hasil dapatan kajian awal di atas, jelas menunjukkan tahap motivasi pelajar terhadap aspek kosa kata khususnya adalah rendah dan hal ini sememangnya akan menghambat pemahaman terhadap pembelajaran kosa kata. Dapatan ini menyokong kajian Rahmat (2020) yang menyatakan pelajar yang mempunyai tahap motivasi yang rendah terhadap pembelajaran kosa kata tidak dapat memberi respons secara optimal dalam aktiviti pembelajaran di dalam bilik darjah. Pendapat ini turut disokong oleh Nation (2001), bahawa ketidakupayaan pelajar untuk mahir dan kompeten dalam penguasaan kosa kata akan menimbulkan kesukaran untuk mempelajari bahasa secara berkesan. Menurut Kurnia dan Aisha (2018), pelajar yang kurang bermotivasi akan menunjukkan prestasi yang rendah dalam mencapai matlamat akademik. Justeru, pembangunan modul berasaskan multimedia diyakini mampu meningkatkan tahap motivasi pelajar. Hal ini demikian kerana pelajar juga perlu melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran kosa kata dan mencapai tahap atau standard yang sesuai untuk mendapatkan pencapaian yang diperlukan.

Selain itu, isu yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di kolej vokasional ialah mempunyai bahan pembelajaran yang terhad. Hal ini demikian kerana warga kolej

vokasional tidak mempunyai panduan yang mutlak iaitu tidak ada keseragaman dalam penggunaan buku atau bahan dalam mengendalikan proses PdP (Jamaliah, 2014). Menurut Abdul Rahman et al. (2015), proses PdP bergantung sepenuhnya akan keupayaan kreativiti pensyarah itu sendiri kerana tiada modul pengajaran mahupun modul pembelajaran seragam yang boleh dijadikan panduan oleh warga KV. Akibat tiada modul yang seragam ini menimbulkan kesukaran dalam PdP apatah lagi dalam membuat rujukan internet yang kesahihannya diragui. Seseengah kolej vokasional didapati hanya menggunakan satu atau dua buku rujukan sebagai panduan muktamad dan ini menyebabkan skop pembelajaran menjadi lebih terhad kepada pelajar. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui dapatan soal selidik dalam kajian awal yang dijalankan terhadap pensyarah bahasa Melayu yang mengatakan bahawa mereka kekurangan bahan-bahan rujukan dan tidak ada modul pengajaran bahasa Melayu sebagai panduan mutlak. Carta pai 1.4 menunjukkan maklum balas pensyarah terhadap kecukupan bahan untuk pembelajaran kosa kata di kolej vokasional.

Carta Pai 1.4

Kecukupan bahan untuk pembelajaran kosa kata di kolej vokasional.



Berdasarkan hasil dapatan kajian awal di atas, didapati 36 responden daripada 39 responden iaitu 92 % memberikan respons bahawa bahan untuk pembelajaran kosa kata di kolej vokasional adalah tidak mencukupi. Hal ini jelas menunjukkan pensyarah mahupun pelajar menghadapi masalah kekurangan bahan pembelajaran dalam proses PdP Bahasa Melayu mengikut sukatan kolej vokasional. Kajian Jamaludin (2016) juga mendapati kekurangan bahan pembelajaran dan ABM di kolej vokasional menyebabkan proses PdP menjadi kurang bermakna dan kurang berkesan. Pandangan ini turut mendapat sokongan daripada kajian Noorazman et al. (2018) yang menjelaskan beberapa faktor halangan atau kekangan yang dihadapi oleh guru untuk menyediakan dan membangunkan bahan pembelajaran dan antaranya ialah bahan pengajaran yang tidak mencukupi, beban mengajar yang tinggi, kesuntukan masa, tidak praktikal, tiada kemahiran membangunkan bahan secara sendiri dan sumber kewangan yang tidak mencukupi. Masalah kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran ini menyebabkan pelajar-pelajar mengalami kesukaran dalam melaksanakan aktiviti yang berpusatkan pelajar, kurang berinovasi dan tidak bermotivasi dalam pembelajarannya (Sarimah, 2015) sedangkan dalam kajian Norlizawaty (2019) mendapati bahawa dalam proses PdP bahasa Melayu, penggunaan bahan pembelajaran yang pelbagai dan berunsurkan multimedia dapat merangsang pembelajaran koperatif iaitu pelajar akan menjadi tumpuan utama dalam sesuatu proses pembelajaran ke arah pembinaan idea serta merancang kandungan pembelajaran sendiri.

Kajian Chin (2009) juga mendapati bahan-bahan pembelajaran yang berkaitan dengan tatabahasa di dalam laman web, perisian dan sebagainya lebih banyak dibincangkan bagi mata pelajaran bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Situasi ini boleh menyebabkan pengajaran di kolej vokasional tidak

berkembang dan tidak diselaraskan secara konsisten untuk menyokong pembelajaran dalam persekitaran pengajaran yang lebih kompleks dan kian mencabar. Isu bahan pembelajaran yang terhad ini perlu ditangani dengan segera kerana ini akan mengganggu proses pembelajaran pelajar untuk menguasai sukatan Bahasa Melayu dengan baik selain menyukarkan para pensyarah dalam mengendalikan sesi PdP.

Berdasarkan masalah seperti yang dikupas di atas, jelas bahawa pelaksanaan kajian awal melalui edaran borang tinjauan maklumat pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Tingkatan 3 (PT3), edaran borang soal selidik kepada pensyarah bahasa Melayu dan pelaksanaan kuiz kepada pelajar kolej vokasional untuk mengenal pasti masalah dalam pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dapat membuktikan kewujudan permasalahan dalam pembelajaran kosa kata yang disebabkan oleh beberapa faktor seperti tahap latar belakang dan pencapaian pelajar kolej vokasional yang agak lemah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, ketidakupayaan pelajar untuk membina ayat yang gramatis dengan menggunakan kosa kata yang tepat, tahap motivasi terhadap pembelajaran kosa kata yang lemah dan bahan untuk pembelajaran kosa kata di kolej vokasional terhad. Pelaksanaan kajian awal ini telah memberi kesan yang signifikan bagi mengukuhkan lagi tujuan menjalankan satu kajian penyelidikan untuk mereka bentuk Modul Kadimel ini. Oleh sebab itu, pengkaji membangunkan modul yang berbantuan multimedia ini sebagai usaha untuk meningkatkan motivasi dan pencapaian kosa kata bagi pembelajaran Bahasa Melayu selain membantu pelajar mengekalkan informasi kosa kata dengan cara kreatif. Sehubungan itu, kajian ini menerapkan elemen-elemen pembelajaran dalam aplikasi web Quizlet yang dapat membantu pelajar bermain sambil belajar dalam suasana yang tidak tertekan. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Nailul dan Zaleha (2017) bahawa aplikasi Quizlet amat efektif dalam usaha untuk memperkaya kosa kata

pelajar. Dengan perancangan yang tersusun dan rapi, para guru dapat menggunakan aplikasi Quizlet untuk menilai kemampuan para pelajar untuk menyimpan maklumat yang dipelajari dan jadinya sebagai kayu ukur keberkesanan untuk kelas-kelas yang seterusnya.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk Modul Kadimel dengan menerapkan elemen-elemen pembelajaran yang terdapat dalam aplikasi web Quizlet bagi mengenal pasti hubungan antara komponen model motivasi ARCS selepas menggunakan modul ini. Kajian ini turut mengenal pasti kesan Modul Kadimel dalam meningkatkan pencapaian kosa kata pelajar bagi subjek Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tahun Satu Sijil Vokasional Malaysia (SVM) di kolej vokasional.

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk membina modul dan mengkaji kesan penggunaan Modul Kadimel terhadap motivasi dan pencapaian kosa kata pelajar di kolej vokasional. Satu kumpulan responden iaitu kumpulan eksperimen akan didedahkan kaedah pembelajaran dengan menggunakan Modul Kadimel yang berbantuan multimedia. Secara khususnya kajian ini adalah untuk:

- i. Mereka bentuk dan membangunkan Modul Kadimel bagi subjek kosa kata Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar kolej vokasional.
- ii. Mengetahui pasti hubungan antara perhatian, relevan, keyakinan dan kepuasan selepas penggunaan Modul Kadimel.